

**ABSTRAK**

Tujuan kajian ini adalah mendapatkan maklumbalas guru Ekonomi Asas mengenai kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas SPM KBSM. Fokus kajian ini adalah untuk melihat kerelevanan antara kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas dengan Matlamat Pendidikan Negara dan matlamat dan objektif pendidikan Ekonomi Asas. Kajian ini juga cuba melihat penilaian guru terhadap pemilihan isi kandungan dan penyusunan, pengetahuan dan penghayatan guru terhadap kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas serta melihat penilaian guru terhadap kandungan buku teks dan Huraian Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas. Kajian ini menggunakan kaedah temubual tidak berstruktur. Seramai tujuh orang guru dari tujuh buah sekolah menengah di daerah Kemaman telah terlibat dalam temubual yang dijalankan pada bulan September 1999. Data yang diperolehi adalah data kualitatif. Data yang diperolehi dipolakan mengikut keutamaan dan disesuaikan dengan kehendak dan tujuan kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa guru-guru bersetuju bahawa kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas adalah selaras atau relevan dengan Matlamat Pendidikan Negara dan matlamat dan objektif pendidikan Ekonomi Asas. Pemilihan isi kandungan pendidikan adalah mencukupi dan sesuai dengan keperluan pelajar dan terdapat kesesuaian dalam penyusunan dan pemilihan isi kandungan pendidikan dengan tahap kesediaan pelajar. Analisis data juga menunjukkan bahawa buku teks dapat menterjemahkan kehendak kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas dan penyediaan Huraian Sukatan Pelajaran banyak membantu guru dalam mengetahui dan menghayati isi kandungan pendidikan Ekonomi Asas. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat beberapa aspek yang perlu diperbaiki dalam buku teks, masalah guru dalam pengajaran dan

pembelajaran, kekurangan kursus dan latihan guru dan beberapa tajuk yang agak sukar kepada para pelajar.

## ABSTRACT

### THE TEACHER'S EVALUATION OF THE BASIC ECONOMIC CONTENT CURRICULUM: A CASE STUDY AT KEMAMAN, TERENGGANU.

The purpose of the study is to get feedback from the Basic Economic teacher with regard to the Basic Economic curriculum SPM KBSM contents. This study focused to determined the relevance of the Basic Economic content curriculum with the National Education Aim and the aim and objectives of the Basic Economic curriculum. This study is to get feedback from the teacher's knowledge and understanding of Basic Economic curriculum and teacher's evaluated of the selecting and organizing the content curriculum and textbook evaluation. The methodology of the study is unstructured interview. 7 teachers from secondary school in the district of Kemaman, Terengganu were involved in this study on September 1999. The data are qualitative data. Data was analysed in the ranking order and suit the objective of this study. The finding of the study is the Basic Economic curriculum content is relevance with the National Education Aim and the aim and objectives of Basic Economic curriculum content. The selecting and organizing are accurate with the student needs and abilities . The teacher's evaluation on Basic Economic textbooks found that the textbooks are accurate with the Basic Economic content curriculum. The finding also found that a certain aspect that must be upgrade especially the textbook contents, activities and exercises. Certain topic difficult to the student and a problem faces by the teacher in the pedagogy knowledge.